

Malaysia, St Lucia diharap perkukuh kerjasama

PUTRAJAYA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyuarakan harapan supaya Malaysia dan St Lucia serta negara membangun lain dapat memperkukuhkan rundingan dan dialog bagi membolehkan kepentingan mereka disuarakan secara lebih berkesan pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, penyatuan Selatan-Selatan akan membolehkan negara membangun bercakap dalam satu suara dan menyelaraskan kedudukan mereka, penting dalam konteks rundingan pusingan baru dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

“Wujud kebimbangan bahawa rundingan pusingan baru membawa keburukan kepada negara-negara membangun,” katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri St Lucia, Dr Kenny D Anthony di Seri Perdana, di sini.

Dr Mahathir berkata, negara membangun diminta menetapkan dasar keselamatan dalam melindungi ekonomi mereka tetapi tidak ada jaminan bahawa mereka akan mendapat sebarang pulangan substantif.

Bellau berkata, sebagai negara membangun yang kecil, Ma-

aysia sentiasa berminat memperkukuhkan hubungan dengan negara membangun lain dan menyifatkannya sebagai kepentingan strategik.

“Kita sudah melihat bagaimana negara membangun yang kecil tidak dihiraukan dan diketepikan pada persidangan global yang penting dalam rundingan mengenai perdagangan, kewangan dan isu kritikal lain.

“Kami sebenarnya menyedari layanan buruk yang anda alami dalam perdagangan pisang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pembabitian Malaysia dalam badan antarabangsa membabitkan Selatan tidak menunjukkan bahawa ia adalah hasrat atau niat Kuala Lumpur untuk bertentangan dengan negara maju.

“Apa yang sedang kami usahakan ialah sistem rundingan lebih adil dan membuat keputusan yang memberi pertimbangan sewajarnya kepada kepentingan kedua-dua negara membangun dan negara maju,” katanya.

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan Malaysia akan digalakkan melabur dalam industri pelancongan di St Lucia, kepulauan Caribbean yang beliau lawati pada 1991 dan 1999.